

KERAJAAN NEGERI KELANTAN


PEKELILING PENGARAH TANAH DAN GALIAN KELANTAN

BILANGAN 6 TAHUN 2023

**TATACARA PERMOHONAN BAGI MENDAPATKAN PELUPUSAN TANAH-
TANAH PESURUHJAYA TANAH KELANTAN**

Pekeliling ini dikeluarkan untuk memaklumkan semua Pentadbir Tanah Negeri Kelantan bahawa Pihak Berkuasa Negeri melalui Persidangan Majlis Mesyuarat Kerajaan Kali Ke 07/2023 yang bersidang pada 19 April 2023 telah membuat keputusan sebagaimana berikut:

1. Semua permohonan untuk mendapatkan tanah-tanah Pesuruhjaya Tanah Kelantan bagi tujuan pertanian komersil, perindustrian dan kompleks bangunan perniagaan atau apa-apa bentuk permohonan yang termasuk sebagai pelaburan Negeri adalah dibekukan.
2. Semua permohonan bagi tujuan-tujuan yang dinyatakan di atas hendaklah terlebih dahulu mendapat kelulusan cadangan projek dari Pihak Berkuasa Negeri yang diangkat melalui Unit Perancang Ekonomi Negeri, Bahagian Pelaburan, Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Kelantan, atau agensi-agensi Kerajaan lain mengikut arahan Pihak Berkuasa Negeri;
3. Pesuruhjaya Tanah Kelantan akan hanya menguruskan permohonan yang telah mendapat kelulusan Pihak Berkuasa Negeri sama ada melalui Kertas-Kertas Pertimbangan yang dinyatakan di perenggan 2 di atas, ataupun melalui arahan khusus Pihak Berkuasa Negeri;
4. Pekeliling ini adalah berkuat kuasa serta –merta dan semua Pentadbir Tanah hendaklah mengambil maklum akan keputusan Pihak Berkuasa Negeri ini dan mengambil tindakan sewajarnya bagi melaksanakan keputusan tersebut.



DATO' HAJI ZAMRI BIN HAJI ISMAIL, D.P.S.K.(Kelantan),K.M.N.
PENGARAH TANAH DAN GALIAN
KELANTAN.

KEPADA:

Yang Berusaha
Semua Pentadbir Tanah Negeri Kelantan.

SALINAN KEPADA:

1. YAB. Ustaz Dato' Bentara Kanan Menteri Besar Negeri Kelantan.
2. YB. Dato' Timbalan Menteri Besar Negeri Kelantan.
3. YB. Dato' Kaya Setia Setiausaha Kerajaan Negeri Kelantan.
4. YB. Dato' Pegawai Kewangan Negeri Kelantan.
5. YB. Dato' Penasihat Undang-Undang Negeri Kelantan.
6. YABrs. Pengarah Audit Negeri Kelantan.
7. YBrS. Ketua Penolong Setiausaha Majlis Mesyuarat Kerajaan Kelantan.

PEJABAT PENGARAH TANAH DAN GALIAN
NEGERI KELANTAN
BLOK 3, KOTA DARULNAIM
15576 KOTA BHARU KELANTAN.

NO FAIL : PTG.KN.1/2/4.

BERTARIKH : 18 Jun 2023/29 Zulkaedah 1444H.